

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(DANA PAMPASAN PASARAN MODAL) (CARUMAN )2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen 160 (1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Dana Pampasan Pasaran Modal) (Caruman) 2012.**  
(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuatkuasa pada 28 Disember 2012.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi orang yang berkaitan di bawah Bahagian IV Akta.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—  
“Dana” ertinya Dana Pampasan Pasaran Modal;  
“Perbadanan” ertinya Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal.

### **Caruman kepada Dana**

4. (1) Orang yang berkaitan yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual 1 hendaklah, apabila dilesenkan di bawah Akta, membayar kepada Perbadanan jumlah yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual 1 sebagai caruman kepada Dana.

(2) Orang yang berkaitan dibawah subseksyen (1) hendaklah, pada tarikh ulang tahun lesen itu, membuat bayaran selanjutnya kepada Perbadanan menurut jumlah yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual 1.

(3) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengubah jumlah dan cara caruman dibuat oleh seseorang berkaitan kepada Dana.

### **Kegagalan untuk membuat caruman kepada Dana**

5. (1) Perbadanan hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Suruhanjaya apa-apa kegagalan untuk membuat caruman kepada Dana seperti yang telah ditentukan dalam Jadual 1.

(2) Sekiranya orang yang berkaitan gagal untuk membuat caruman kepada Dana, ia hendaklah disifatkan sebagai pelanggaran syarat pelesenan oleh orang yang berkaitan itu dan Suruhanjaya boleh mengambil tindakan terhadap orang yang berkaitan itu.

(3) Apa-apa caruman yang terhutang kepada Perbadanan oleh mana-mana orang yang berkaitan boleh didakwa dan didapatkan kembali sebagai suatu hutang kontraktual.

Jadual 1

[Peraturan 4]

Bahagian 1

Caruman oleh seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi bermiaga dalam sekuriti, bermiaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang.

Orang yang berkaitan	Caruman	
	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun
Organisasi yang menyertai : bank pelaburan	RM30,000.00	RM10,000.00
Organisasi yang menyertai : selain bank pelaburan	RM30,000.00	RM5,000.00
Peserta niaga	RM30,000.00	RM10,000.00 dalam setiap tahun bagi setiap lima tahun selepas peserta niaga itu dilesenkan
Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk menjalankan urusan bermiaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah	RM150,000.00	—

Orang yang berkaitan	Caruman	
	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun
Seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang	RM150,000.00	—
Peserta niaga atau seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk pengurusan kumpulan wang, yang berniaga dalam derivatif dalam Bursa ditentukan	RM100,000.00	—

## Bahagian 2

Caruman oleh pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi pengurusan kumpulan wang yang juga adalah seorang penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan

Orang yang berkaitan	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun	
		Nilai Bersih Aset/Aset Di bawah Pengurusan Skim Persaraan Swasta itu	Caruman
Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi	-	> RM10 bilion	RM50,000.00
		RM1 bilion – RM10 bilion	RM30,000.00
		RM100 juta – RM1 bilion	RM20,000.00
		>RM100 juta	RM10,000.00

Orang yang berkaitan	Apabila dilesenkan	Pada tarikh ulang tahun	
pengurusan kumpulan wang yang juga adalah seorang penyedia skim persaraan swasta yang diluluskan			

Dibuat 27 Disember 2012  
 [KK/BPKA/K1/(S)/483/128/1/1Jld.8;;PN(PU<sup>2</sup>)662/VII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI MOHAMAD HANADZLAH  
*Menteri Kewangan Kedua*